

Najib Ucap Takziah Kematian Margaret Thatcher
Bernama
9 April, 2013

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah bagi pihak kerajaan, diri beliau dan rakyat Malaysia berhubung kematian bekas Perdana Menteri Britain Margaret Thatcher.

Beliau menyampaikan ucapan takziah menerusi Perdana Menteri David Cameron.

Menurut Najib, Britain kehilangan pemimpin ulung sementara dunia kehilangan seorang negarawan.

"Kehilangan beliau akan dirasai di banyak tempat di dunia terutama di kalangan negara Komanwel. Melalui anda (Cameron), tolong sampaikan perasaan simpati saya yang mendalam terhadap keluarga mendiang Baroness Thatcher di atas kehilangan beliau," katanya dalam satu perutusan.

Perdana Menteri berkata Thatcher yang merupakan perdana menteri wanita pertama Britain dan paling lama berkhidmat merupakan pemimpin ulung di zaman beliau.

Najib menyifatkan Thatcher sebagai rakan baik Malaysia semasa menjadi perdana menteri dan meletakkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara ke tahap baru dan kukuh.

Thatcher menyandang jawatan perdana menteri dari 1979 hingga 1990.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940794>